

MINGGU MENTOR MENTEE PROGRAM MCG 2015

Penulis: Arif Mandangan

Bagi memperkasa Sistem Mentor Mentee, Program Matematik dengan Grafik Berkomputer telah mengadakan Minggu Mentor Mentee Program MCG Semester 1 Sesi 2015/2016 pada 9-16 Oktober 2015. Aktiviti ini telah berlangsung selama seminggu dan diisi dengan pelbagai program yang bermanfaat kepada para pelajar Program MCG. Antaranya adalah Taklimat Minggu Mentor Mentee (Perjumpaan bersama semua pensyarah dan pelajar Program MCG), Bengkel Pengurusan Masa dan Kaedah Belajar Berkesan, Bicara Kerjaya serta penjualan buku-buku rujukan terpakai. Sepanjang minggu berkenaan, para pelajar Program MCG diwajibkan untuk bertemu mentor masing-masing bagi mengemaskini rekod pendaftaran kursus serta keputusan peperiksaan masing-masing di samping berbincang berkenaan perkembangan pencapaian akademik mereka. Semoga aktiviti ini membawa manfaat kepada para pelajar dan akan diteruskan pada semester-semester yang akan datang.

